

## TUBUH DIBANJIRI PELUH KERANA HIPERHIDROSIS

Oleh: Nurul Ahyar binti Ridzuan, 1171141,  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
*Disiarkan pada 18 Ogos 2020*



Kedadaan tangan yang normal



Kedadaan tangan yang mengalami peluh berlebihan

Peluh berlebihan atau nama saintifiknya hiperhidrosis sebenarnya merupakan satu situasi di mana kelenjar peluh menghasilkan peluh lebih banyak dari yang biasa dikeluarkan oleh individu normal. Biasanya ia terjadi di tapak tangan, ketiak dan tapak kaki.

Sebagai seorang yang mengalami masalah peluh berlebihan sejak kecil, Nur Syaza Mohd Khair begitu terbuka untuk berkongsi pengalamannya.

Pada mulanya dia menganggap peluh di tapak tangan dan kaki yang dialaminya adalah sesuatu yang normal.

Namun, dia mula hairan apabila anggota badan tersebut turut berpeluh walaupun tidak melakukan sebarang aktiviti atau sentuhan.

Misalnya apabila bangun dari tidur, peluh yang dihasilkan di kedua tapak tangan dan kakinya boleh membuatkan permukaan katil atau bantal kelihatan bertompok.

Perbezaan ketara lebih dirasakan Syaza selepas mandi. Tanpa disedari tangan dan kaki yang sudah dilap hingga kering juga mula berpeluh dalam kuantiti yang banyak.

Situasi yang dihadapi ini tidak dapat dijangka. Hal ini sedikit sebanyak memberikan tekanan dan menimbulkan masalah terhadap Syaza lebih-lebih lagi ketika berhadapan dengan masyarakat.

Walaupun tisu atau sarung tangan sentiasa menjadi teman akrabnya, agak sukar bagi Syaza untuk bersalaman dan bersentuhan dengan orang lain.

Dia sebenarnya bimbang individu yang bersalaman dengannya rasa kurang selesa sekali gus menimbulkan perasaan malu dan hilang keyakinan diri.

Jelas bahawa penghidap hiperhidrosis adalah sangat sensitif terhadap rangsangan kelenjar peluh yang boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja.

Selain terpaksa berperang dengan emosi dan perasaan yang tidak menentu, kesukaran dalam melakukan aktiviti seharian seperti beriadah, menulis dan memegang sesuatu objek juga adalah antara dilema yang sering dialami oleh golongan yang menghadapi situasi seperti Syaza.

Mengulas lebih lanjut, Syaza turut berkongsi pengalaman peribadi ketika dia masih di bangku sekolah.

Satu hari, dia merasakan tangan dan kakinya sudah tidak berpeluh seperti biasa dalam tempoh yang agak lama lalu terlintas di fikirannya bahawa masalah yang dihadapinya sudah berakhir.

Namun, tidak lama kemudian peluh mula keluar sehingga membasahi kedua tapak tangan dan kakinya seolah-olah memberi tindak balas terhadap apa yang bermain dalam mindanya ketika itu.

Situasi tersebut sebenarnya tiada kaitan dengan kawalan minda, tetapi lebih kepada kemungkinan perubahan emosi yang dialami oleh Syaza ketika itu.

Seperti dilaporkan Harian Metro, Pakar Bedah Plastik dan Rekonstruktif, Pusat Perubatan Management & Science University (MSU), Prof Dr Arman Zaharil Mat Saad menyatakan, perubahan emosi antara punca pengeluaran peluh.

Kebiasaannya, seseorang yang mengalami perubahan emosi akan menyebabkan sistem saraf simpatetik yang mengawal kelenjar peluh terangsang hasil peningkatan pengeluaran katekolamin.

Secara keseluruhan, potensi untuk penyakit ini sembuh sepenuhnya adalah agak sukar, tetapi pesakit tetap dinasihatkan untuk cuba menjalani rawatan yang disediakan di mana-mana pusat kesihatan.

Walaupun penyakit peluh berlebihan ini tidak mengancam nyawa, ia boleh mengundang masalah yang lebih serius sekiranya tidak mendapatkan rawatan awal.